



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 2/6/2016 P-38

# Sebarkan kebaikan, keistimewaan Islam

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan agama kamu bagi kamu, Aku telah cakupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redakan Islam menjadi agama untuk kamu.”

Maksud firman Allah itu (**ayat 3, surah al-Maidah**) jelas bahawa Islam adalah agama yang sempurna dan diredai-Nya.

Orang yang mengaku Islam sepatutnya berasa amat bersyukur kerana diberikan hidayah oleh-Nya sama ada

semenjak dilahirkan ke dunia ataupun melalui pencarian yang datang kemudiannya.

Bukan hanya kerana Islam adalah agama diredai Allah tetapi juga satu agama yang sempurna merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia.

Tiada perintah dan larangan yang terkandung dalam al-Quran bertentangan dengan fitrah manusia. Malah, ia dapat dibuktikan melalui saintifik.

Justeru, rasa syukur itu seharusnya dikongsi dengan manusia lain. Keindahan ajaran Islam diceritakan dan ditonjolkan sebaik-baiknya.

Firman-Nya bermaksud: “Wahai sekalian manusia! Beribadatlh kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu (menjadi orang yang) bertakwa.” (**Surah al-Baqarah, ayat 21**)

Ayat berkenaan jelas

menunjukkan bahawa Allah adalah Tuhan bagi seluruh manusia. Hanya Dialah yang layak disembah, yang mempunyai kekuasaan ke atas hamba yang diciptakan-Nya.

Tiada kerugian atau kemudaratan bagi Allah sekiranya manusia sombong daripada beribadat kepada-Nya, bahkan manusia itulah sendiri yang rugi. Dia juga tidak meminta rezeki daripada manusia.

Sebaliknya, Dialah yang memberikan rezeki kepada hamba-Nya.

Pelbagai cara boleh kita guna untuk berkongsi keindahan Islam dengan masyarakat sekeliling. Paling penting ialah berkongsi mengenai perkara asas yang membina agama Islam.

Sehingga hari ini, walaupun Islam sudah lama bertapak di Malaysia dan menjadi agama persekutuan, dukacitanya masih ramai lagi yang tidak faham mengenainya.

Islam adalah agama sejagat. Ia bukanlah agama eksklusif satu kaum saja. Sesiapa pun boleh menjadi orang Islam tanpa mengira darjat atau keturunan.

Tugas sekalian rasul

yang diutuskan untuk mengajak manusia supaya menyembah Allah, sekali gus menjauhi taghut (iaitu syaitan, berhala dan tiap-tiap sesuatu yang menyesatkan).

Kini, peranan itu perlulah diteruskan oleh kita orang Islam, apatah lagi masih ramai manusia yang ingin tahu mengenai agama suci ini dan keistimewaannya.

Mari kita mengajak manusia kepada Allah. Kita berkongsi dengan mereka mengenai kebaikan, kegembiraan dan keuntungan dalam Islam.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di UPM**